

30/04/2001

JPA lewat iktiraf ijazah undang-undang UIAM

Yang Terkilan

TERLEBIH dulu saya mewakili pelajar Undang-undang mengucapkan tahniah sempena perasmian kampus induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang penuh gilang-gemilang, disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 April lalu.

Di kesempatan ini, kami ingin menyatakan rasa terkilan terhadap siri penangguhan pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah (LLB.S) yang ditawarkan oleh universiti ini. Kami berharap paparan ini mendapat perhatian daripada semua pihak dan memecah kebuntuan kami sebagai pelajar jurusan syariah.

Jika ditinjau melalui sejarah, LLB.S ditawarkan sejak sesi 1983/84 iaitu di awal penubuhan UIAM itu sendiri. Ia ditawarkan kepada pelajar yang mempunyai kefahaman asas Bahasa Arab untuk memiliki dua ijazah (sivil dan syariah) secara serentak dalam jangka masa lima tahun. Namun, apa yang menjadi persoalan kepada kami ialah LLB.S tidak memberi sebarang kredit kepada graduan untuk memohon di mana-mana institusi atau jabatan syariah sama ada di peringkat negeri mahu pun Persekutuan.

Ini jelas sekali apabila di dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat beberapa tahun lalu yang dikemukakan oleh Tengku Azlan Sultan Ahmad Shah (Ahli Parlimen Jerantut) menyatakan bahawa LLB.S UIAM tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memandangkan JPA tidak menerima sebarang cadangan permohonan daripada pihak UIAM, terutama pihak Kulliyyah Undang-Undang.

Bukan saja kami sebagai pelajar undang-undang, malah semua exco Persatuan Undang-Undang (atau lebih dikenali dengan singkatan LawSoc) terkejut kerana selama ini kami diberitahu oleh pihak Kulliyyah bahawa cadangan permohonan sudah lama dihantar kepada JPA. Kami tidak mempertikaikan kewibawaan mana-mana pihak dalam isu ini. Apa yang kami ingin ketengahkan persoalan di sini ialah pihak manakah yang menanggung permohonan pengiktirafan LLB.S, sama ada pihak Kulliyyah atau JPA?

Setakat maklumat yang diterima, cadangan permohonan pengiktirafan sudah dihantar oleh pihak Kulliyyah kepada JPA pada Disember 2000 lalu. Kami kurang pasti cadangan yang terdahulu, tetapi di dalam cadangan terbaru ini, pihak Kulliyyah diminta supaya menganalisis dan mengalih bahasa semua sukatan pelajaran bagi subjek Syariah yang terkandung di dalam LLB.S.

Alhamdulillah permintaan JPA ditunaikan. Bagaimanapun, sekali lagi kami terkilan lantaran ada penangguhan di pihak JPA yang mengambil masa terlalu lama untuk mengiktiraf LLB.S. Sekiranya ada sebarang kesilapan di dalam cadangan itu, JPA sepatutnya merujuk semula kepada pihak Kulliyyah, bukan membisu seribu bahasa tanpa sebarang tindakan.

Ia memudahkan pihak Kulliyyah untuk mewartakan notis pemberitahuan mengenai kedudukan terkini LLB.S kami. Jika sebaliknya, perkara ini menimbulkan resah berpanjangan bagi kami kerana kami dibiarkan tanpa disogok dengan maklumat terkini untuk tindakan selanjutnya.

Kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada LawSoc sesi 2000/2001 di bawah kepimpinan Mohd Fadzli Ramly selaku Presiden dengan mengambil langkah yang bijak dengan menubuhkan Ahli Jawatankuasa Shari'ah Recognition Action Front (Sharaf) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung LawSoc iaitu Hishamuddin Hashim.

Dengan ada Sharaf, kami amat mengharapkan Sharaf mengatur langkah dengan membuat penyelidikan mendalam, pengumpulan maklumat dan tindakan yang progresif untuk melengkapkan agenda pengiktirafan LLB.S di dalam masa

terdekat ini. Kami ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk perhatian LawSoc dalam melicinkan lagi agenda yang bakal dilaksanakan oleh Sharaf:

- * Mengadakan sesi pertemuan dengan JPA, Kulliyyah dan pelajar untuk menerangkan perkembangan terkini pengiktirafan LLB.S.

- * Mengadakan persidangan akhbar untuk menanyakan pendirian LawSoc berkenaan isu ini.

- * Menyampaikan maklumat terkini kepada pelajar mengenai kedudukan dan status LLB.S mereka dari semasa ke semasa.

Sebagai penutup, kami berharap paparan ini mendapat perhatian semua pihak terutama pihak berwajib. Kami memohon maaf sekiranya tersilap dan anggaplah paparan ini sebagai teguran membina demi melihat keutuhan dan kredibiliti UIAM yang terkenal dengan jolokan taman nilai dan budi ini. Sekiranya isu ini selesai, kami amat bersyukur dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak terbabit.